

KUASA YANG DI-PERTUAN AGONG

- **Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa dan peranan yang luas dalam pemerintahan negara.**
- **Kuasa dan peranan Yang di-Pertuan Agong meliputi kuasa eksekutif, perundangan, dan kehakiman.**

Kuasa Eksekutif	
Kuasa Eksekutif	• Bertindak mengikut nasihat Jemaah Menteri.
Melantik Perdana Menteri dan Jemaah Menteri	• Melantik seorang Ahli Dewan Rakyat sebagai Perdana Menteri yang pada budi bicara baginda mendapat kepercayaan sebilangan besar ahli Dewan Rakyat. • Melantik Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri daripada kalangan Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Negara dengan nasihat Perdana Menteri.
Pelantikan Jawatan Penting	• Melantik Peguam Negara, Panglima Angkatan Tentera dan Ketua Audit Negara. • Melantik Ahli Suruhanjaya Pilihan Raya, Ahli-ahli Suruhanjaya Polis dan sejumlah ahli dalam Majlis Angkatan Tentera.
Ketenteraan	• Pemerintah Tertinggi Seluruh Angkatan Tentera Malaysia. • Dibantu oleh Majlis Angkatan Tentera yang bertanggungjawab di bawah kuasa baginda bagi pemerintahan, tatatertib dan pentadbiran angkatan tentera serta perkara yang bersangkutan dengan gerakan tentera.
Diplomatik	• Melantik diplomat Malaysia ke luar negara. • Menerima menghadap diplomat asing sebelum mereka menjalankan tugas di Malaysia.

Kuasa Perundangan	
Kuasa Perundangan	Memperkenankan Rang Undang-Undang yang melalui proses pembentangan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara.
Persidangan Parlimen	- Mempunyai kuasa memanggil Parlimen bersidang. - Berkuasa menghentikan dan membubarkan Parlimen.
Agama	- Ketua agama Islam di negeri baginda sendiri, Wilayah Persekutuan, Melaka, Pulau Pinang, Sarawak dan Sabah. - Ketua agama Islam di negeri-negeri lain ialah sultan atau raja yang memerintah di negeri masing-masing.
Hak dan Keistimewaan	- Bertanggungjawab memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera di Sarawak dan Sabah. - Bertanggungjawab melindungi kepentingan sah kaum lain di Malaysia.
Pengisytiharan Darurat	- Boleh membuat pengisytiharan darurat. - Pengisytiharan darurat dibuat setelah baginda memastikan kebenaran wujudnya keadaan yang mengancam keselamatan awam dan ekonomi negara.

Kuasa Kehakiman	
Melantik Hakim	- Melantik Hakim Mahkamah Atasan atas nasihat Perdana Menteri setelah dipertimbangkan oleh Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman dan berunding dengan Majlis Raja-Raja. - Hakim Mahkamah Atasan terdiri daripada Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Besar Mahkamah Tinggi Malaya, Hakim Besar Mahkamah Tinggi Sarawak dan Sabah, Hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim Mahkamah Rayuan dan Hakim Mahkamah Tinggi.
Kuasa Pengampunan	- Dalam hal jenayah di Wilayah Persekutuan, seseorang yang sudah dihukum boleh memohon keampunan daripada Yang di-Pertuan Agong. - Baginda bertindak atas nasihat Lembaga Pengampunan. - Berkuasa mengampunkan, menangguhkan dan meringankan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tentera, Mahkamah Syariah di Melaka, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan.